

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MELAYU

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI SELASA, 10 MAC 2026, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 11

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PN-1551-L16209
Senator Datuk Anna Bell @ Suzieana binti Perian minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak kementerian dalam menyelesaikan masalah ketiadaan kelengkapan perubatan seperti Mesin Pengimejan Resonans Magnetik (MRI) dan alatan perubatan lain yang hanya terdapat di hospital utama dan menyebabkan hospital daerah khususnya luar bandar terpaksa menghantar pesakit ke hospital utama.

2. PN-1551-L15908
Senator Tuan Manolan bin Mohamad minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk menangani isu kos sara hidup dan harga barangan keperluan asas di kawasan penempatan Orang Asli terutamanya di kawasan pedalaman.

3. PN-1551-L16348
Senator Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan apakah manfaat sebenar perjanjian perdagangan terkini kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) tempatan dan bagaimana Kerajaan mengelakkan dominasi syarikat multinasional.

4. PN-1551-L15558
Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im bin Haji Mokhtar minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan apakah insentif yang disediakan oleh Kerajaan untuk membangunkan ekosistem teknologi patuh Syariah dan bagaimana tahap sokongan ini dibandingkan dengan negara seperti Arab Saudi dan Emiriah Arab Bersatu yang menyediakan dana khusus serta *sandbox* kawal selia bagi inovasi teknologi Islamik.

5. PN-1551-L16425
Senator Dato' Sivaraj a/l Chandran minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan penggunaan mesin peniup daun di kawasan awam menghasilkan tahap zarah terampai (PM2.5 dan PM10), paras ini melepasi had selamat yang ditetapkan oleh garis panduan kualiti udara kebangsaan dan Pertubuhan Kesihatan Sedunia.
6. PN-1551-L15923
Senator Tuan Musoddak bin Ahmad minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan status dan mekanisme kerjasama Malaysia-Amerika Syarikat dalam teknologi pertanian termasuk bidang fokus, projek rintis dan sasaran peningkatan produktiviti.
7. PN-1551-L16104
Senator Dr. Jufitri bin Joha minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah langkah yang telah diambil dan akan diambil Kerajaan bagi membangun dan mempromosikan Bengkel Kraftangan di Kuala Pilah, Negeri Sembilan.
8. PN-1551-L15870
Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan mengapakah *output* penyelidikan universiti tempatan tidak digunakan kepada pembangunan industri tempatan.
9. PN-1551-L15947
Senator Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Suleiman minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan bagaimanakah Majlis Amanah Rakyat (MARA) menangani isu pertindihan program TVET antara agensi bagi memastikan penggunaan peruntukan awam yang lebih cekap.
10. PN-1551-L16259
Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan apakah mandat dan skop fungsi Pusat Rujukan Isu Sensitif Masyarakat (PRISMA) dalam mengurus isu perpaduan nasional dan bagaimana peranannya melengkapinya mekanisme sedia ada di bawah Kementerian.

11. PN-1551-L16116

Senator Tuan Haji Baharuddin bin Ahmad minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah penyelesaian terhadap kemelut yang dihadapi oleh Persatuan Peladang Kebangsaan (NAFAS) sehingga menyebabkan mesyuarat agong PPK tidak dapat diadakan di semua peringkat.

12. PN-1551-L15529

Senator Tuan Niran Tan Kran minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan jumlah projek ameniti sosial seperti dewan serbaguna, pondok bas dan tandas yang telah dilaksanakan di kampung-kampung Siam seluruh negara sejak tahun 2023.

13. PN-1551-L16181

Senator Tuan Michael Mujah Lihan minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan sejauh manakah akses anak-anak Sarawak khususnya daripada etnik Penan ke institusi pengajian tinggi awam dan swasta telah dipertingkatkan serta apakah langkah konkrit yang diambil bagi memastikan golongan ini tidak terus tercicir daripada pendidikan tinggi.

14. PN-1551-L16235

Senator Puan Saraswathy a/p Kandasami minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan adakah Malaysia pada masa ini masih mengimport telur ayam untuk kegunaan pasaran tempatan dan selaras dengan agenda keterjaminan makanan negara, adakah Kementerian bercadang untuk membenarkan atau menggalakkan pelaburan pengeluar asing sama ada melalui pelaburan langsung atau usaha sama dengan syarikat tempatan bagi memperkukuh rantai bekalan telur dalam negara, menstabilkan bekalan dan harga serta mengurangkan beban fiskal Kerajaan secara mampan dalam jangka sederhana dan panjang.

15. PN-1551-L16084

Senator Dato' Wu Him Ven minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan :-

- (a) sejauh manakah Strategi Semikonduktor Nasional (NSS) telah berjaya meningkatkan autonomi strategik dan kedaulatan teknologi negara, memandangkan matlamat fasa ketiga NSS adalah untuk melahirkan *Local Champions* yang memiliki harta intelek (IP) sendiri di bawah wawasan *Made by Malaysia*; dan

- (b) perincian jumlah dan nisbah Pelaburan Langsung Domestik (DDI) berbanding Pelaburan Langsung Asing (FDI) dalam sektor semikonduktor bagi setiap tahun bermula 2020 sehingga 2026 (jangkaan) serta langkah strategik Kerajaan dalam mengurangkan kebergantungan kepada syarikat multinasional (MNC) melalui pemerkasaan syarikat tempatan (DDI) dan status terkini pelaksanaan Rangka Kerja Rantaian Bekalan Semikonduktor Bersepadu ASEAN (AFISS) bagi mengukuhkan daya tahan (resilience) teknologi rantau ini.

16. PN-1551-L16038

Senator Puan Tiew Way Keng minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan prosedur lengkap bagi pengangkatan anak luar negara oleh seorang ibu tiri warganegara Malaysia termasuk :-

- (a) kaedah pengiktirafan/pengesahan pengangkatan di Malaysia (mahkamah atau pendaftaran); dan; dan
- (b) laluan sah untuk anak berkenaan memperoleh kewarganegaraan Malaysia dan tempoh pemprosesan purata serta kadar kelulusan.

17. PN-1551-L15565

Senator Tuan Pele Peter Tinggom minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan adakah tender bagi projek bekalan air di Ulu Roban di Kabong yang melibatkan lapan Rumah Panjang telah dikeluarkan seperti jawapan yang diberikan di dalam Dewan pada persidangan Disember 2025.

18. PN-1551-L15596

Senator Tuan Azahar bin Hassan minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tahap kesiapsiagaan Malaysia dalam menghadapi impak perubahan iklim seperti banjir besar, gelombang haba dan cuaca ekstrem yang semakin kerap berlaku.

19. PN-1551-L15957

Senator Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Suleiman minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan pelan jangka panjang Kerajaan dalam menangani isu kesihatan mental khususnya dalam kalangan belia.

20. PN-1551-L15663

Senator Dato' Prof. Emeritus Dr. Mohammad Redzuan bin Othman minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah bentuk bantuan yang diberikan oleh Malaysia kepada negara Afghanistan dalam usaha membangunkan negara tersebut setelah mencapai kemenangan berikutan berakhirnya pencerobohan tentera Amerika Syarikat ke atas negara tersebut.

21. PN-1551-L15621

Senator Datuk Bobbey bin Suan minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan berapakah jumlah peruntukan yang disalurkan kepada Sabah sempena Tahun Melawat Malaysia 2026.

22. PN-1551-L16146

Senator Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah Kerajaan bercadang membentangkan Rang Undang-undang Pendanaan Politik serta bagaimana perundangan ini akan memastikan ketelusan pembiayaan politik dan seterusnya meningkatkan keyakinan rakyat terhadap integriti institusi politik negara.

23. PN-1551-L15545

Senator Tuan Niran Tan Kran minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-

- (a) apakah sebab berlakunya kes status bangsa 'Siam' yang telah diluluskan bertukar semula kepada 'Thai' tanpa permohonan pemohon khususnya selepas penggantian MyKad atau kemas kini sistem berlaku seakan-akan sistem *auto-revert*; dan
- (b) apakah rasional apabila perubahan status bangsa di MyKad berlaku akibat kesilapan sistem atau pentadbiran, beban pembuktian, kos dan masa yang perlu ditanggung oleh rakyat serta adakah Kerajaan bercadang memperkenalkan mekanisme pembetulan automatik tanpa fi bagi kes seumpama ini.

24. PN-1551-L15572

Senator Tuan Pele Peter Tinggom minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan adakah tiada permohonan jalan ladang di kawasan Parlimen P.205 Saratok seperti yang dinyatakan dalam jawapan persidangan lepas dan adakah keadaan ini berpunca daripada tiadanya permohonan yang dikemukakan melalui agensi berkaitan oleh pekebun-pekebun kecil yang terlibat.

25. PN-1551-L16329
Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan perkembangan terkini Malaysia dalam usaha menghasilkan vaksin sendiri tanpa bergantung kepada negara luar apabila berlaku pandemik.
26. PN-1551-L15915
Senator Tuan Manolan bin Mohamad minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan bagaimanakah kejayaan program ekonomi masyarakat Orang Asli diukur dan adakah ia berdasarkan pendapatan sebenar peserta atau bilangan peserta yang terlibat.
27. PN-1551-L16101
Senator Dr. Jufitri bin Joha minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah Kerajaan akan mempertimbangkan untuk menyediakan keperluan perkhidmatan pembedahan plastik dan rekonstruktif dalam rawatan kelecuman di Negeri Sembilan.
28. PN-1551-L15808
Senator Tuan Abun Sui Anyit minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) apakah pecahan sebenar perbelanjaan bagi peruntukan pembangunan luar bandar di Sarawak, tahap penyerapan kewangan, serta mekanisme pemantauan yang dilaksanakan bagi memastikan peruntukan tersebut sampai kepada rakyat yang disasarkan; dan
 - (b) berapakah jumlah peruntukan yang diterima oleh Daerah Belaga daripada keseluruhan peruntukan bagi Sarawak.
29. PN-1551-L15674
Senator Tuan Isaiah a/l D.Jacob minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan :-
- (a) apakah inisiatif dan langkah-langkah yang telah dan sedang dilaksanakan oleh Kementerian termasuk melalui kerjasama dan kolaborasi dengan Kementerian serta agensi berkaitan bagi memastikan kemudahan pelancongan, lokasi warisan, pusat kebudayaan serta produk seni dan budaya negara mesra orang kurang upaya (OKU); dan

- (b) apakah terdapat garis panduan, piawaian atau mekanisme kolaborasi bersama pihak berkuasa tempatan dan penggiat industri pelancongan bagi memastikan aksesibiliti dan penyertaan golongan OKU dapat dipertingkatkan secara menyeluruh.
30. PN-1551-L16349
Senator Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimana Kerajaan memastikan kedaulatan standard halal Malaysia tidak terjejas dalam perjanjian perdagangan antarabangsa.
31. PN-1551-L16065
Senator Dato' Wu Him Ven minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan :-
- (a) hasil siasatan berhubung insiden air Sungai Perak bertukar biru yang dipercayai berpunca daripada aktiviti perlombongan Unsur Nadir Bumi Bukan Radioaktif (NR-REE); dan
- (b) status dan dapatan akhir laporan kajian impak perlombongan unsur nadir bumi (REE) di kawasan Hutan Simpan Kekal (HSK) oleh FRIM yang dijadualkan untuk pelaporan pada Oktober 2025 serta apakah pendirian Kerajaan tentang ini.
32. PN-1551-L15740
Senator Dato' Ng Keng Heng minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-
- (a) apakah dasar yang dipertimbangkan oleh Kerajaan untuk menggalakkan liputan ubat biosimilar di bawah pakej insurans atau takaful kesihatan, memandangkan ia mampu mengurangkan kos rawatan berbanding dengan ubat originator; dan
- (b) apakah kaedah kawal selia Kerajaan untuk memastikan pihak fasiliti kesihatan swasta tidak membuat tuntutan berlebihan (overclaim).
33. PN-1551-L15791
Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah penilaian Kementerian berhubung kekurangan anggota penguatkuasaan dan beban tugas di pintu masuk negara serta sejauh mana faktor ini menyumbang kepada ketirisan keselamatan serta langkah kawalan integriti yang diambil bagi memastikan tekanan kerja yang tinggi tidak membuka ruang kepada salah guna kuasa.

34. PN-1551-L15664

Senator Dato' Prof. Emeritus Dr. Mohammad Redzuan bin Othman minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah kejayaan dalam kerjasama dan hubungan dua hala di antara Malaysia dan Turkiye berikutan kunjungan yang dilakukan oleh Perdana Menteri ke atas negara tersebut pada bulan Januari yang lalu.

35. PN-1551-L16302

Senator Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) telah mendapatkan pandangan dan nasihat daripada Jabatan Peguam Negara (AGC) terlebih dahulu sebelum berunding atau melakukan rayuan kepada Persekutuan Bola Sepak Antarabangsa (FIFA) berkenaan isu pemain naturalisasi dan apakah pendirian rasmi AGC berhubung isu ini.

36. PN-1551-L15802

Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah signifikan dan justifikasi Kementerian terhadap penganjuran Water Musical Festival selama tiga hari di Bukit Bintang bermula 1 Mei 2026 kepada negara sempena pelaksanaan Kempen Tahun Melawat Malaysia 2026 serta apakah pendekatan pelancongan yang berpaksikan kelestarian, kesejahteraan masyarakat dan imej negara imej negara yang diterapkan bagi festival ini.

37. PN-1551-L16049

Senator Puan Saraswathy a/p Kandasami minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan sejauh manakah sistem pendidikan tinggi negara selaras dengan kemajuan pesat teknologi digital termasuk daripada segi kapasiti pengajaran, penyediaan modul digital dan infrastruktur sokongan pembelajaran.

38. PN-1551-L16145

Senator Datuk Dr. Haji Mustafa bin Musa minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan bagaimana penetapan harga lantai RM250,000 harga kereta Electrical Vehicle Completely Built-Up (EV CBU) akan merencanakan pasaran Electrical Vehicle (EV) tempatan serta sejauh mana pelaburan Syarikat EV dari China melabur dalam pasaran Completely Knocked Down Electrical Vehicle (CKD EV) di Malaysia menjelang 2027.

39. PN-1551-L16148

Senator Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan jumlah peruntukan bagi pelaksanaan naik taraf jalan luar bandar, jalan perhubungan desa serta bekalan air luar bandar di negeri Perak pada tahun 2026.

40. PN-1551-L16130

Senator Dato' Setia Salehuddin bin Saidin minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah kedudukan syor dan cadangan pindaan undang-undang oleh Jawatankuasa Khas Mengkaji Kompetensi Dewan Undangan Negeri terhadap peruntukan kesalahan jenayah Syariah di bawah Enakmen Negeri yang di bawah bidang kuasa mahkamah syariah.

41. PN-1551-L16069

Senator Dato' Wu Him Ven minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-

- (a) status terkini dan garis masa bagi pemasangan sistem *autogate* untuk pelawat antarabangsa di Terminal Pelayaran Swettenham Pier (SPCT) dan Terminal Pelayaran Port Klang (PKCT); dan
- (b) statistik tahunan kemasukan pelancong antarabangsa ke Malaysia yang melalui SPCT dan PKCT bagi setiap tahun bermula 2015 sehingga 2025. Nyatakan pecahan mengikut lima kewarganegaraan tertinggi yang menggunakan pintu masuk laut tersebut.

42. PN-1551-L15877

Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan keberkesanan Kerajaan dalam menyelesaikan isu kartel, orang tengah dan monopoli rangkaian bekalan yang sentiasa menjadi aduan para petani dan pengusaha dalam sektor pertanian.

43. PN-1551-L15924

Senator Tuan Musoddak bin Ahmad minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan penilaian Kerajaan terhadap implikasi komitmen menerima piawaian dan akses pasaran Amerika Syarikat ke atas daya saing industri tempatan serta prinsip timbal balik perdagangan.

44. PN-1551-L15682

Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tahap terkini pencapaian usaha memerangi rasuah di negara ini dan langkah-langkah baharu untuk meningkatkan keberkesanan pencegahan serta tindakan tegas kepada penerima dan pemberi rasuah yang disifatkan oleh Yang di-Pertuan Agong sebagai pengkhianat negara.

45. PN-1551-L16361

Senator Tuan Roderick Wong Siew Lead minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapakah jumlah Klinik Komuniti di kawasan Sarikei dan Bintangor serta senaraikan skop perkhidmatannya, bilangan doktor, pegawai perubatan dan jururawat yang ditempatkan. Apakah perancangan Kerajaan pada masa hadapan bagi menambah baik perkhidmatan kesihatan di kawasan luar bandar.

46. PN-1551-L16156

Senator Datuk Dr. Haji Mustafa bin Musa minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan langkah-langkah bagi memastikan jumlah lesen nelayan laut dalam dan jumlah pendaratan ikan benar-benar mencukupi bagi kapasiti pasaran di Malaysia pada 2026 sehingga 2030.

47. PN-1551-L16336

Senator Dato' Sivaraj a/l Chandran minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan :-

- (a) berapa jumlah pelajar India yang diterima masuk ke Institusi Pengajian Tinggi Awam termasuk Universiti Awam, Politeknik dan Kolej Komuniti bagi tahun terkini; dan
- (b) berapa peratus dalam program profesional seperti perubatan dan kejuruteraan, serta trend kemasukan lima tahun kebelakangan ini.

48. PN-1551-L15990

Senator Dato' Leong Ngah Ngah minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perancangan serta langkah-langkah konkrit Kerajaan untuk membanteras dan seterusnya menghapuskan budaya politik wang yang tidak sihat memandangkan amalan ini telah sekian lama berakar umbi dalam landskap politik negara dan sering dikaitkan dengan pelbagai salah laku serta ketirisan integriti.

49. PN-1551-L15965

Senator Datuk Edward Linggu Bukut minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-

- (a) status terkini pembinaan dan operasi Kompleks Imigresen, Kastam dan Kuarantin (CIQ) Serudong, Kalabakan sebagai pintu masuk darat antara Sabah dan Kalimantan termasuk tarikh siap sepenuhnya, jumlah peruntukan yang telah digunakan setakat ini serta langkah-langkah yang diambil untuk memastikan integrasi sempadan yang berkesan bagi memacu perdagangan, pelancongan dan keselamatan Malaysia-Indonesia; dan
- (b) apakah pelan Kerajaan untuk memastikan operasi pintu masuk darat ini berfungsi sepenuhnya dan memberi impak yang tinggi kepada Sabah termasuk melalui penyelarasan prosedur operasi standard (SOP) bersama Indonesia, kesiapsiagaan agensi penguatkuasaan serta penyediaan infrastruktur sokongan seperti jalan, logistik dan utiliti.

50. PN-1551-L15904

Senator Tuan Manolan bin Mohamad minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan bagaimanakah peruntukan kewangan tahunan untuk pembangunan masyarakat Orang Asli diagihkan dan dipantau bagi memastikan keberkesanan serta ketelusan pelaksanaan.

51. PN-1551-L16296

Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh mana tindakan Kerajaan untuk meminda Seksyen 377 Kanun Keseksan bagi memperketat undang-undang terhadap aktiviti songsang memandangkan kelompangan yang ada sukar untuk mendakwa pelaku di bawah seksyen tersebut.

52. PN-1551-L16391

Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan penambahbaikan kaedah Kajian Pengesanan Graduan (Graduate Tracer) bagi membezakan pekerjaan setaraf kelulusan dengan pekerjaan tidak berkaitan demi gambaran sebenar kebolehpasaran graduan.

53. PN-1551-L16401
Senator Datuk Nelson W Angang minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan statistik terkini mengenai penagih dadah yang sedang menjalani pemulihan dan yang dikenakan hukuman penjara seumur hidup di Sabah termasuk julat umur mereka serta program susulan yang dilaksanakan oleh Kementerian untuk membasmi penyalahgunaan dadah terutamanya dalam kalangan belia.
54. PN-1551-L15984
Senator Dato' Leong Ngah Ngah minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk membuka sekurang-kurangnya sebuah lagi klinik urologi di Pahang bagi memenuhi keperluan penduduk memandangkan di bahagian selatan negeri Terengganu dan Pahang hanya terdapat satu klinik urologi.
55. PN-1551-L15772
Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan terma-terma utama dalam Perjanjian Perdagangan Timbal Balas Malaysia-Amerika Syarikat (ART) yang sedang dikaji semula serta garis masa bagi penyempurnaan proses pemberitahuan.
56. PN-1551-L15710
Senator Puan Susan Chemerai Anding minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah kuasa dan sumber khusus yang dimiliki oleh Majlis Keselamatan Makanan dan Pemakanan Kebangsaan untuk menyelaras dan mempertanggungjawabkan Kementerian lain seperti Kementerian Pendidikan, Kementerian Pertanian dan Kementerian Kewangan terhadap sasaran dan dasar pemakanan mereka dan bagaimanakah keberkesanannya diukur.
57. PN-1551-L15845
Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah pendirian Kerajaan Persekutuan berhubung kewajipan semua syarikat berkaitan Kerajaan Persekutuan termasuk syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) untuk mematuhi undang-undang negeri dan semangat MA63 khususnya berkaitan hak negeri ke atas tanah dan sumber asli.

58. PN-1551-L15552

Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im bin Haji Mokhtar minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan galakan Kerajaan dalam bentuk geran atau pinjaman bagi membantu syarikat-syarikat kecil atau pemula Bumiputera berkembang dalam industri penghasilan enzim Bromelain, suatu produk berharga dan bermutu tinggi daripada nanas yang berpotensi di Malaysia dan rantau ASEAN.

59. PN-1551-L15883

Senator Tuan Che Alias bin Hamid minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-

- (a) apakah perkembangan terkini projek pembinaan Hospital Baharu Kemaman di Kijal; dan
- (b) sejauh mana pelan kontingensi Kementerian sekiranya kontraktor bermasalah kewangan gagal menyiapkan projek mengikut tempoh ditetapkan bagi menjamin hak rakyat Kemaman mendapatkan fasiliti kesihatan sempurna tidak terus terjejas.

60. PN-1551-L16136

Senator Tuan Robert Lau Hui Yew minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk memastikan ketelusan, akauntabiliti dan pengawasan Parlimen yang mencukupi terhadap Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS) memandangkan PETRONAS menyumbang lebih 20% pendapatan Kerajaan Persekutuan pada tahun 2024 sahaja.

61. PN-1551-L16043

Senator Puan Tiew Way Keng minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

- (a) status penubuhan Ombudsman Malaysia, bidang kuasa (Persekutuan/agensi), kuasa siasatan, sama ada syor bersifat mengikat serta tempoh penyelesaian aduan rakyat; dan
- (b) jadual pembentangan Rang Undang-Undang Kebebasan Maklumat (FOI), skop pemakaian (Kementerian/agensi/GLC), senarai pengecualian yang jelas, serta mekanisme rayuan jika permohonan maklumat ditolak.

62. PN-1551-L15753

Senator Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan keberhasilan langkah-langkah pencegahan penyakit tidak berjangkit (NCD) setakat ini dan sejauh manakah keberkesanan intervensi dapat dilihat di peringkat nasional.

63. PN-1551-L16372

Senator Tuan Roderick Wong Siew Lead minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah dapatan interim Pasukan Petugas yang telah ditubuhkan untuk mengkaji pelaksanaan Kursus Peguam Bersama (CBC).

64. PN-1551-L16256

Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah menyeluruh Kementerian untuk memastikan kebocoran kewangan tidak berlaku akibat pesakit warga asing yang tidak membayar fi rawatan di hospital dan klinik Kerajaan.

65. PN-1551-L16427

Senator Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah bin Aman minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status pelaksanaan MA63 yang masih belum dilaksanakan sepenuhnya dan apakah langkah-langkah yang akan diambil bagi memastikan tuntutan-tuntutan berkaitan dapat diselesaikan sebelum tamat penggal Kerajaan MADANI.

66. PN-1551-L15999

Senator Puan Noorita binti Sual minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-

- (a) adakah jurang kualiti dan akses antara sektor kesihatan awam dan swasta semakin melebar; dan
- (b) apakah implikasinya terhadap prinsip keadilan sosial dalam kesihatan serta langkah Kementerian untuk merapatkan jurang ini.

67. PN-1551-L16143

Senator Tuan Robert Lau Hui Yew minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk memperkenalkan undang-undang untuk mengawal sumbangan kewangan politik.

68. PN-1551-L15647

Senator Puan Norhasmimi binti Abdul Ghani minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah khusus untuk melindungi warga emas dan pesakit kronik daripada menjadi mangsa penipuan peralatan dan produk kesihatan termasuk jualan agresif secara demonstrasi rumah ke rumah dan dalam talian.

69. PN-1551-L15683

Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk membanteras politik wang baik dalam kalangan ahli politik mahupun parti politik terutama melalui pelaksanaan kawalan dana politik.

70. PN-1551-L15610

Senator Datuk Bobbey bin Suan minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan yang diambil oleh Kementerian dalam menangani penyalahgunaan serta pengedaran daun ketum di negeri Sabah selaras dengan peruntukan undang-undang semasa.

71. PN-1551-L15810

Senator Tuan Abun Sui Anyit minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan :-

- (a) apakah sasaran masa yang jelas bagi memastikan liputan elektrik dan bekalan air bersih sepenuhnya di kawasan pedalaman Sarawak yang masih bergantung kepada sumber tidak mampan; dan
- (b) bagaimanakah komuniti pedalaman dilibatkan secara langsung dalam pelaksanaan program-program yang diatur oleh Kerajaan ini.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. (D.R.6/2026) Rang Undang-undang Perbekalan
Tambahan (2025) 2026 **Bacaan Kali
Yang
Kedua**

[Menteri Kewangan]
2. (D.R.2/2026) Rang Undang-undang Pemberian
Mengikut Bilangan Orang 2026 **Bacaan Kali
Yang
Kedua**

[Menteri Kewangan]
3. (D.R.33/2025) Rang Undang-undang Sistem Insurans
Pekerjaan (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali
Yang
Kedua**

[Menteri Sumber Manusia]